

03 SEP 2001

Mahathir-KMM

KMM HANYA MAHU REBUT KUASA UNTUK DIRI SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sebenarnya tidak bercita-cita mendirikan negara Islam dengan mencantumkan tiga negara Asean tetapi sebaliknya hanya mahu merebut kuasa untuk diri mereka sendiri.

"Sebenarnya cita-cita mereka bukan sangat hendak mendirikan negara Islam tetapi sebenarnya untuk merebut kuasa bagi diri mereka, selepas mereka merebut kuasa apa jenis pemerintahan yang mereka akan dirikan itu adalah perkara lain," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Beliau berkata mesyuarat tiga jam itu turut membincangkan KMM yang mahu mencantumkan Malaysia, Indonesia dan Selatan Filipina menjadi sebuah negara Islam.

Dr Mahathir berkata, perjuangan kumpulan itu bukan kerana menentang musuh Islam tetapi mereka mahu merebut kuasa menggunakan kekerasan dengan menjatuhkan kerajaan yang telah diiktiraf dunia sebagai sebuah kerajaan Islam.

"Seperti yang kita maklum, orang yang menentang agama Islam cuba menindas orang Islam, perjuangan mereka lebih mirip kepada menjatuhkan kerajaan yang didirikan orang Islam tetapi mereka anggapnya sebagai tidak Islam," katanya.

Beliau berkata, kumpulan itu melakukan percubaan merebut kuasa politik melalui penggunaan senjata dan bukannya pejuang Islam sebenar.

"Mereka hanya pejuang politik yang ingin menggunakan senjata untuk merebut kuasa, mereka nampak tidak sabar menunggu sistem demokrasi memberi kuasa kepada mereka," katanya.

Sementara itu Dr Mahathir juga berkata, mesyuarat MT hari ini turut membincangkan mengenai cara-cara menangani gerakan bawah tanah membabitkan cubaan mempengaruhi penuntut Melayu di Institusi Pengajian Tinggi Awam supaya membenci kerajaan.

Umno telah mengenal pasti pendekatan-pendekatan tertentu bagi menangani masalah berkenaan, katanya.

Bagaimanapun katanya, pendekatan itu tidak dapat diumumkan.

-- BERNAMA

RZS ZS PR